

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) Malaysia

Kurikulum Standard Perakaunan

Jawantkuasa Kurikulum Bersepadu

Jawatkuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina

Malaysia

Ogos 2023

1. Pendahuluan	1
2. Objektif Umum	1
3. Kompetensi Teras.....	2
4. Prinsip Asas.....	8
5. Objektif Kurikulum	8
6. Konsep Kurikulum.....	11
7. Kandungan Kurikulum	13
8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran	28
9. Cadangan Pentaksiran.....	31
10. Pelaksanaan.....	37
11. Lampiran	
Lampiran 1: Standard kandungan dan Hasil Pembelajaran	38
Lampiran 2: Domain Kognitif, Afektif dan Psikomotor	50
Lampiran 3: Kata kerja domain kognitif pada 3 tahap intelek yang berbeza	51

1. Pendahuluan

‘Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi’ merupakan visi pendidikan yang disarankan dalam ‘Pelan Induk Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)’. Visi pendidikan tersebut adalah untuk menjadikan SMPC sebagai taman pembelajaran yang selesa dan kondusif untuk guru dan pelajar menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan di SMPC sihat dan aktif dalam pembelajaran. Pelajar SMPC bukan sahaja dapat bersaing di tanah air sendiri, malahan dapat bertanding di arena antarabangsa. Lantaran itu, pendidikan SMPC mampu menjamin masa depan pelajar. Objektif pembaharuan kurikulum bertujuan untuk memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika secara holistik serta berupaya membangunkan tanggapan kendiri yang positif. Usaha ini dijangka dapat melahirkan pelajar yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan nilai kendiri, berani meneroka, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat, bangsa, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan. Demi menerapkan visi dan objektif tersebut, Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu telah mengemukakan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC (disingkatkan sebagai ‘Garis Panduan’ dalam perbincangan seterusnya) pada Mac 2020 untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pembaharuan dan pengembangan kurikulum SMPC.

Matlamat pembaharuan kurikulum SMPC adalah untuk melahirkan ‘pengamal pembelajaran sepanjang hayat’. Rombakan ini juga menitikberatkan kandungan kurikulum setiap mata pelajaran dan mewujudkan peluang pembelajaran merentas kurikulum demi memupuk pembelajaran kendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam aktiviti masyarakat dalam kalangan pelajar. Kurikulum standard setiap mata pelajaran digubal mengikut prinsip dan hala tuju yang dbincangkan dalam Garis Panduan dan memperlengkap prinsip asas, objektif, kompetensi, konsep kurikulum, kandungan kurikulum, cadangan pengajaran dan pembelajaran serta cadangan pentaksiran yang terkandung dalam kurikulum standard. Dari aspek pelaksanaan kurikulum, keanjalan dan pilihan, pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan inkuiri dan sebagainya haruslah dititikberatkan. Dari aspek pentaksiran, penggunaan pelbagai bentuk penilaian digalakkan supaya dapat mencungkil potensi pelajar dalam pelbagai bidang. Penggubalan kurikulum standard SMPC hendaklah selaras dengan visi Pelan Induk Pendidikan SMPC dan cadangan Garis Panduan.

2. Objektif Umum

Pendidikan SMPC ialah usaha yang berterusan. Selain mewariskan nilai kebudayaan Cina, pendidikan SMPC juga memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika secara holistik dan mempunyai personaliti yang tersendiri. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang dapat mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai kendiri, berani meneroka, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga mampu mengejar kebahagiaan dalam hidup dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan¹.

2.1 Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Rendah (TMR)

- a. Mengembangkan keupayaan pelajar untuk mencapai keseimbangan dalam pembangunan secara holistik dan berkeperibadian dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika.
- b. Memupuk kemampuan pelajar untuk belajar, membaca, dan menaakul supaya membuat persediaan untuk pembelajaran kendiri.
- c. Memastikan pelajar mencapai tahap asas dari segi kognitif, psikomotor, dan afektif serta mencungkil potensi pelajar dan mengejar prestasi yang cemerlang.
- d. Membentuk pelajar yang bersikap positif dan proaktif dalam kehidupan.
- e. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat mengenali dan memahami bahasa, budaya, dan agama pelbagai kaum di Malaysia serta membimbing pelajar menghormati kepelbagaiannya budaya, mempunyai jati diri, dan berperspektif global.

2.2 Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi (TMT)

- a. Mengembangkan kebolehan pelajar mengikut kesesuaian peribadi dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika supaya bersiap sedia untuk melanjutkan pelajaran, menceburi bidang kerjaya dan keusahawanan serta kehidupan baharu pada masa hadapan.
- b. Melengkapkan pelajar dalam pengukuhan pembelajaran kendiri, memupuk tabiat mencari ilmu, dan menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- c. Memupuk semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan dan altruistik, demi mencapai kesejahteraan diri sendiri, masyarakat, negara serta manusia sejagat.
- d. Membimbing pelajar supaya lebih mengenali diri sendiri dan berkeyakinan menghadapi masa hadapan serta berkemampuan menangani perubahan masyarakat dan peralihan zaman.
- e. Memupuk sikap pelajar supaya berkomitmen terhadap keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara serta menghormati kepelbagaiannya budaya dan berperspektif global.
- f. Menyediakan ruang kepada pelajar untuk menyertai kegiatan pelbagai budaya supaya pelajar dapat belajar dan berinteraksi dalam masyarakat majmuk.

¹ Dong Zong. (2018). *Pelan Induk Pendidikan SMPC* (p. 49). Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong).

3. Kompetensi Teras

Garis Panduan digubal berdasarkan sembilan kompetensi teras, iaitu enam kompetensi teras yang disarankan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC² dan ditambahkan lagi tiga kompetensi untuk tujuan pembangunan kurikulum. Kompetensi ini menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, nilai dan sikap. Kandungan kompetensi teras ini diuraikan di bahagian rancangan kurikulum TMT dan TMR.

Rajah 1

Kerangka Kompetensi Teras



Rajah 1 memaparkan matlamat kurikulum SMPC untuk melahirkan individu yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat ini disepadukan dengan tiga prinsip utama, iaitu pembelajaran kendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam masyarakat. Warna bagi lingkungan luar Struktur Kompetensi Teras merupakan warna spektrum yang menunjukkan gabungan sembilan kompetensi teras dengan tiga prinsip utama. Garis di dalam dan di luar lingkungan yang tidak sejajar menjelaskan bahawa setiap kompetensi teras berhubung kait dengan pelaksanaan ketiga-tiga prinsip utama. Berdasarkan prinsip pengintegrasian yang menyeluruh dan juga mempertimbangkan kemampuan pelaksanaannya, Garis Panduan akan mempromosikan setiap prinsip utama dengan tiga kompetensi. Keterangan lanjut dipaparkan dalam Jadual 1.

² Dong Zong. (2018). *Pelan Induk Pendidikan SMPC* (pp. 40-41). Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong).

Jadual 1

Kandungan Kompetensi Teras dan Profil Pelajar TMR dan TMT

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
A. Pembelajaran Kendiri	A1. Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	Berkemampuan menjaga kesihatan fizikal dan mental demi perkembangan yang seimbang, dapat menghayati keindahan kehidupan, mengaplikasi pengalaman pembelajaran dan kehidupan, membuat penyesuaian pada setiap peringkat kehidupan yang dikehendaki untuk kesihatan fizikal dan mental, sikap positif dan proaktif demi kebahagiaan dalam kehidupan.	Sedar akan kepentingan perkembangan fizikal dan mental diri yang sihat, mengenali nilai keindahan, mengenali harga diri dalam kehidupan, menunjukkan kekayaan dan pengalaman kehidupan, sikap proaktif untuk menghadapi makna hidup.	Mempertingkatkan perkembangan fizikal dan mental, menghayati keindahan dan kebaikan manusia dan persekitaran, berkeyakinan dengan harga diri, memahami hala tuju kehidupan, menikmati kehidupan, sentiasa meningkatkan kemajuan kendiri untuk mencipta kebahagiaan dalam kehidupan.	Individu yang Sayangi Diri Sendiri
	A2. Pemanfaatan Ilmu Pengetahuan dan Penggunaan Teknologi	Menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira serta kemahiran hidup, menguasai mata pelajaran teras seperti bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, dan Sejarah, mempelajari dan memahami pengetahuan bidang lain, memanfaatkan teknologi maklumat untuk	Mempunyai ilmu pengetahuan dan mengenali pelbagai jenis simbol komunikasi, serta dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, menyelesaikan masalah kehidupan dan berinteraksi.	Berkemampuan mengaplikasikan penggunaan simbol komunikasi dan teknologi maklumat serta dapat menguasai ilmu pengetahuan sesuatu bidang secara mendalam dan dapat berkongsi pengalaman dan pendapat serta berfikir kreatif dan	Individu yang Berpengetahuan

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		menjalankan komunikasi dan interaksi supaya mencapai pembangunan secara keseluruhan, serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran demi meningkatkan keberkesanannya pembelajaran dan mengatasi masalah pembelajaran.		mampu menyelesaikan masalah.	
	A3. Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	Berkemampuan meneroka, berfikiran secara kritis dan kreatif, menguasai kemahiran pembelajaran kendiri untuk menangani masalah kehidupan harian dan dapat membuat keputusan dalam perubahan masyarakat.	Mempunyai kemahiran aras tinggi seperti pembelajaran kendiri, berfikiran secara kritis dan kreatif, menggunakan strategi yang sesuai untuk mengatasi urusan harian dan isu dalam kehidupan.	Mempunyai kemahiran aras tinggi, berfikiran secara kritis dan kreatif dengan lebih mendalam, mengamalkan pembelajaran kendiri, meneroka bidang yang baharu, dapat menyelesaikan masalah harian dan cabaran dalam kehidupan.	Individu yang Mampu Menyelesaikan Masalah
B. Komunikasi dan Bekerjasama	B1. Sikap Proaktif dan Nilai Positif	Mempunyai nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan rintangan dalam kehidupan harian dan pembelajaran,	Meneroka nilai kendiri dan nilai persekitarannya, mengamati perbezaan antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menerima perbezaan antara	Mempunyai nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan menghargai perbezaan sikap dan fikiran antara diri dengan orang lain, meneroka antara nilai kendiri dengan nilai	Individu yang Mempunyai Kasih Sayang


Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		sedar akan kepentingan mengamalkan tanggungjawab masyarakat, berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi cabaran dan rintangan, dapat menerima perbezaan dan dapat menangani konflik.	diri sendiri dengan orang lain, memupuk nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif.	persekitarannya, berusaha menangani konflik dan mengamalkan nilai baik dan bersikap positif serta berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi cabaran dan rintangan.	
	B2. Kelepimpinan dan Berpasukan	Mempunyai daya kepimpinan, dapat bekerjasama dengan berkesan dan membina hubungan dan interaksi yang baik dengan orang lain, berkemampuan berkomunikasi dan berkoordinasi, menyertai aktiviti dan khidmat masyarakat serta kerja-kerja berpasukan.	Berkemampuan dalam pengurusan diri dan mempunyai tabiat yang baik, bantu-membantu, menjalankan hubungan yang baik, dapat menjalankan tugas melalui kerja berpasukan.	Bersikap empati, berkemampuan menilai dan bersosial, meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan koordinasi serta kerja berpasukan, dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan baik, mempunyai rancangan dan kaedah untuk menjalankan tugas.	Individu yang Boleh Kerja Berpasukan
	B3. Kompetensi Bahasa dan Berkomunikasi	Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, memupuk semangat kenegaraan melalui penguasaan bahasa Melayu, menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan peringkat	Mengenali budaya bahasa, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, dapat berkawan dengan bangsa lain dengan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mempertingkatkan	Menguasai dan menghayati keindahan bahasa Cina, melalui penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengenali budaya, adat resam, agama yang terdapat di dalam dan di luar negara, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa asing demi	Individu yang Mahir Berkomunikasi

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		antarabangsa, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa serta dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik dalam pelbagai situasi demi mewujudkan komunikasi yang berkesan.	kemahiran bertutur, membaca dan menulis, sedar akan kepentingan peranan bahasa untuk mewarisi sesuatu budaya dan untuk berkomunikasi.	kegunaan dalam pembelajaran dan kerjaya pada masa depan.	
C. Keterlibatan dalam Masyarakat	C1. Nilai Etika dan Keprihatinan Kemanusiaan	Berakh�ak mulia, akauntabiliti, sedar akan tindakan meningkatkan status sendiri adalah tanggungjawab terhadap masyarakat, sentiasa menyempurnakan karakter sendiri melalui pembelajaran, bersikap terbuka, dan menghormati orang untuk kebebasan bersuara.	Berakh�ak mulia, akauntabiliti, bersikap positif untuk melaksanakan perubahan, bersikap terbuka untuk berbincang dan menerima pandangan orang lain, menghormati keputusan seseorang.	Prihatin terhadap isu-isu semasa, berdisiplin, peramah, bertoleransi, mengemukakan pendapat dengan cara yang baik terhadap isu-isu masyarakat, melihat isu-isu semasa daripada pelbagai sudut.	Individu yang Bersikap Terbuka
	C2. Patriotisme dan Kepelbagai Budaya	Menghargai budaya masyarakat sendiri, memahami dan menghormati budaya masyarakat bangsa lain, berintegrasi, mengetahui sejarah negara, menerima kepelbagai budaya dalam negara, bangga dan bertanggungjawab sebagai	Memahami budaya sendiri, memahami dan menerima budaya masyarakat bangsa lain, menghormati perbezaan, mengambil berat akan isu negara, aktif dalam pembangunan dan khidmat masyarakat.	Menghargai budaya masyarakat sendiri, menghormati dan menghayati perbezaan antara pelbagai budaya, mempunyai tanggungjawab sebagai wargenegera, berusaha menjaga	Individu yang Bersemangat Patriotik

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		warganegara, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan.		keharmonian dan perpaduan, aktif dalam pembangunan masyarakat dan negara demi kesejahteraan.	
	C3. Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan	Keprihatinan tentang isu global dan keadaan antarabangsa serta isu persekitaran, ekonomi dan masalah masyarakat, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan, berkonsepkan pembangunan lestari dan menghargai sumber bumi.	Mengenali isu global dan keadaan dunia, dapat meluahkan pendapat tentang isu-isu alam sekitar, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang dapat menjaga alam sekitar dan menghargai sumber bumi, mengambil berat akan isu alam sekitar dan isu dalam masyarakat.	Berkemampuan memberikan pendapat mengenai isu-isu global dan keadaan dunia, boleh berdebat tentang isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan, menyertai kempen melindungi alam sekitar dan aktiviti menegakkan keadilan masyarakat.	Individu yang Berkonsep Pembangunan Lestari

Rajah 2

Hubungan antara Prinsip Asas , Kompetensi Teras dan Objektif Pendidikan



4. Prinsip Asas

Perakaunan ialah mata pelajaran yang menggabungkan dua mata pelajaran yang sedia ada iaitu: ‘Simpankira dan Akaun’ serta ‘Perakaunan’. Kedua-dua mata pelajaran tersebut diperkenalkan dalam United Examination Certificate (UEC) masing-masing sejak tahun 1975 dan 1996.

Mata pelajaran ini digubalkan untuk pelajar Tingkatan Menengah Atas Aliran Perdagangan dan Aliran Sastera dan Perdagangan dan akan dipelajari dalam tempoh 3 tahun.

Dengan perkembangan teknologi maklumat terkini, peningkatan trend automasi dalam perekodan transaksi kewangan dan pertumbuhan alam perniagaan yang semakin kompleks, peranan dan kompetensi seorang akauntan telah berubah secara mendadak.

Perubahan tersebut telah membentuk asas dalam perkembangan ideas mata pelajaran tersebut yang merangkumi:

- a. Mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan maklumat kewangan kepada pelbagai golongan pengguna.
- b. Memberi pemahaman asas tentang peranan rangka kerja kawal selia dan konsep perakaunan utama dalam pelaporan kewangan.
- c. Mewujudkan pengetahuan asas yang mantap dalam mengekalkan rekod kewangan dan penyediaan penyata kewangan.
- d. Membekalkan kemahiran analisis yang kukuh dalam mentafsir maklumat kewangan di mana ia adalah penting dalam membuat semua keputusan perniagaan.
- e. Memupuk semangat yang gigih dalam perakaunan kewangan yang menjadi pemacu utama dalam menjayakan kerjaya masa depan dan melanjutkan pelajaran.
- f. Bakat yang cemerlang merupakan nilai tambah yang besar kepada organisasi dan masyarakat dalam jangka masa panjang.

5. Objektif Kurikulum

Memandangkan semakin pentingnya peranan seorang akauntan yang jauh melangkaui seorang penyimpan kira atau seorang pengurus perakaunan, kompetensi utama yang menjadi intipati kepada setiap pelajar termasuk:

a. Literasi kognitif

Pelajar perlu dilatih sepenuhnya dengan pelbagai tahap literasi kognitif, yang bermula daripada memahami asas simpan kira dan perakaunan kewangan di Tingkatan Menengah Atas 1, mengapplikasikan pengetahuan asas dalam penyediaan penyata kewangan di Tingkatan Menengah Atas 2 dan seterusnya melanjutkan pengetahuan berkenaan piawaian perakaunan yang ditetapkan dalam penyediaan penyata kewangan.

b. Literasi Menganalisis

Pelajar perlu dilatih untuk menguasai literasi analisis yang kukuh di Tingkatan Menengah Atas 3 untuk menikmati nilai maklumat kewangan yang timbul daripada aktiviti perniagaan.

c. Literasi komunikasi

Pelajar dikehendaki mendemostrasikan literasi komunikasi yang baik dan reka bentuk kandungan kurikulum akan menekankan isu literasi komunikasi yang semakin mendalam di Tingkatan Menengah Atas 2 dan seterusnya.

d. Literasi kepimpinan

Pelajar dijangka akan dilengkapi dengan literasi kepimpinan yang kukuh melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang maklumat kewangan di mana ia membentuk asas untuk mendiagnosis keberkesanan amalan strategi dan model perniagaan.

Jadual 2

Kandungan Literasi Mata Pelajaran Perakaunan

Literasi Mata Pelajaran	Kandungan		
	Kognitif	Psikomotor	Afektif
Literasi Kognitif	<u>Tingkatan Menengah Atas 1</u> 1. Konteks dalam Pelaporan Kewangan 2. Rangka Kerja Pelaporan Kewangan 3. Sistem Catatan Bergu 4. Pelarasan pada akhir tempoh perakaunan <u>Tingkatan Menengah Atas 2:</u> 4. Pelarasan pada akhir tempoh perakaunan 5. Penyediaan Penyata Kewangan Syarikat tidak diperbadankan 6. Perakaunan Inventori (IAS 2) <u>Tingkatan Menengah Atas 3</u> 7. Penyediaan Penyata Kewangan Syarikat diperbadankan	1. Kemahiran membaca yang berkesan 2. Kemahiran komunikasi bertulis dan lisan 3. Kemahiran mendengar secara aktif 4. Kemahiran berfikir secara kritis dan logik 5. Kemahiran belajar 6. Kemahiran menggabungkan semua aplikasi 7. Kemahiran digital 8. Kemahiran kepelbagai tugas 9. Kemahiran pengurusan masa	1. Objektif 2. Integriti 3. Beretika 4. Disiplin diri 5. Kerahsiaan 6. Pencarian fakta 7. Ketepatan 8. Berhati-hati 9. Bertanggungjawab 10. Penambahbaikan berterusan
Literasi Analisis	<u>Tingkatan Menengah Atas 3</u>		

Literasi Mata Pelajaran	Kandungan		
	Kognitif	Psikomotor	Afektif
	8. Analisis Penyata Kewangan		
Literasi Komunikasi	<u>Tingkatan Menengah Atas 2 dan 3</u> 9. Belanjawan		
Literasi Kepimpinan	<u>Tingkatan Menengah Atas 3</u> 10. Asas Perakaunan Kos		

Jadual 3

Keselarasan Objektif Kurikulum Perakaunan dengan Kompetensi Teras SMPK

Kompetensi Teras		Objektif Kurikulum	
Pada akhir pembelajaran, pelajar dapat			
A Pembelajaran Kendiri	A1 Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	CO1	Menghargai kesan aktiviti perniagaan terhadap prestasi kewangan sesebuah perniagaan dan seterusnya dapat menghargai keperluan perakaunan kewangan dalam pengurusan perniagaan.
	A2 Pemanfaatan Ilmu pengetahuan dan Teknologi	CO2	Menghubungkaitkan pengetahuan perakaunan kewangan dalam alam perniagaan moden dengan penggunaan automasi dan teknologi.
	A3 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian masalah	CO3	Menghubungkaitkan dan mengaplikasikan pengetahuan perakaunan kewangan dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang mungkin dihadapi oleh perniagaan.
B Komunikasi dan Bekerjasama	B1 Sikap Proaktif dan Nilai Positif	CO4	Mendemostrasikan penghayatan mengekalkan penyediaan rekod kewangan dengan baik.
	B2 Kepimpinan dan Berpasukan	CO5	Mendemostrasikan semangat berpasukan dengan memimpin perbincangan secara kumpulan berkaitan kes dan senario semasa proses pembelajaran.
	B3 Kompetensi Bahasa dan	CO6	Mendemostrasikan literasi komunikasi bertulis dan lisan dengan jelas dan berstruktur dalam dwi bahasa semasa proses pembelajaran dan

Kompetensi Teras		Objektif Kurikulum	
		Pada akhir pembelajaran, pelajar dapat	
Berkomunikasi		penilaian.	
C Keterlibatan dalam Sosial	C1 Nilai Etika dan Keprihatinan Kemanusiaan	CO7	Menghayati kepentingan mendemostrasikan personaliti dan etika perniagaan yang baik dalam membuat keputusan perniagaan dan pelaporan kewangan.
	C2 Patriotisme dan kepelbagaian Budaya	CO8	Menghayati keperluan mengekalkan rekod kewangan dengan identiti kebangsaan negara serta mempamerkan aktiviti perniagaan dalam kepelbagaian budaya.
	C3 Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan	CO9	Menghayati penggunaan piawaian perakaunan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam pelaporan kewangan demi mengekalkan ketekalan dan pembangunan mampan dalam alam perniagaan global.

6. Konsep Kurikulum

6.1 Perancangan Kurikulum

- a. Kesensitifan Komersial

Kurikulum ini dirancang bertujuan mewujudkan kesedaran secara keseluruhan kepada pelajar supaya menghayati kewujudan dan keperluan perekodan kewangan akibat daripada wujudnya semua aktiviti perniagaan dalam masyarakat antara pengguna dan pelbagai organisasi perniagaan.
- b. Kepraktisan

Adalah pentingnya bahawa perancangan kurikulum dapat memaparkan amalan perniagaan sebenar tentang tatacara urus niaga ditunjukkan dalam penyata kewangan dan merupakan maklumat pengurusan penting untuk semua pihak yang membuat keputusan perniagaan.
- c. Sistematik

Perancangan kurikulum ini menggunakan pendekatan yang sistematik di mana pengenalan pengetahuan asas dalam simpan kira akan diajar dalam Tingkatan Menengah Atas 1, diikuti dengan penerapan kemahiran teknikal dalam merekod urus niaga kewangan mengikut konsep perakaunan utama dalam Tingkatan Menengah Atas 2. Akhir sekali, pelajar di Tingkatan Menengah Atas 3 akan diberi penekanan dalam menyediakan

penyata kewangan dengan lengkap dan laporan kewangan lain serta menganalisis maklumat kewangan daripada penyata kewangan yang disediakan.

6.2 Struktur Kurikulum, Cadangan Waktu Pengajaran

Subjek ini mempunyai 3 jilid yang mengandungi 10 topik. Tingkatan Menengah Atas 1 ialah peringkat penerokaan, manakala Tingkatan Menengah Atas 2 dan 3 adalah untuk pengkhususan. Cadangan waktu pengajaran ialah: 3 waktu seminggu untuk Tingkatan Menengah Atas 1, 5 waktu seminggu untuk Tingkatan Menengah Atas 2 dan 3; setiap waktu adalah 40 minit; setiap waktu memperolehi 2 kredit.

Tema 1 : Konteks Pelaporan Kewangan

Tema 2 : Rangka Kerja Pelaporan Kewangan

Tema 3 : Sistem Catatan Bergu

Tema 4 : Pelarasan pada akhir tempoh perakaunan

Tema 5 : Penyediaan Penyata Kewangan Syarikat Tidak Diperbadankan

Tema 6 : Perakaunan untuk Inventori (IAS2)

Tema 7 : Penyediaan Penyata Kewangan Syarikat Diperbadankan

Tema 8 : Analisis Penyata Kewangan

Tema 9 : Belanjawan

Tema 10 : Asas Perakaunan Kos

Jadual 4


Keselarasan Matlamat Kurikulum Perakaunan dengan Literasi Teras

Tahap	Wajib (Aliran Perdagangan dan Aliran Perdagangan dan Sastera)	Elektif
<u>Tingkatan Menengah Atas 1</u> Asas Perakaunan 3 waktu (6 kredit)	✓	Tingkatan Menengah Atas 2 - Aliran Sastera - Aliran Sains - Aliran Vokasional
<u>Tingkatan Menengah Atas 2</u> Perakaunan Pertengahan 5 waktu (10 kredit)	✓	N/A
<u>Tingkatan Menengah Atas 3</u> Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Kos 5 waktu (10 kredit)	✓	N/A

7. Kandungan Kurikulum

Rajah 3

Hubungan antara Asas Perakaunan, Perakaunan Pertengahan, Perakaunan Kewangan dan Kos
Kandungan kurikulum Perakaunan dibahagikan kepada 3 tahap dalam 3 tahun Pembelajaran.



7.1 Standard Kandungan

Rancangan standard kandungan disediakan berdasarkan rujukan berikut:

- a. SPM – Prinsip Perakaunan
- b. LCCI level 2 – Book-keeping and Accounts
- c. LCCI level 3 – Accounting
- d. Certified Accounting Technician (CAT) / Foundation in Accountancy (FIA) – Financial Accounting I (FA 1) and Financial Accounting II (FA 2)
- e. Certified Accounting Technician (CAT) / Foundation in Accountancy (FIA) – Management Accounting I (MA 1) and Management Accounting II (MA 2)
- f. Certified Accounting Technician (CAT) / Foundation in Accountancy (FIA) – Financial Accounting (FFA)

Maklumat Standard kandungan dan hasil pembelajaran ditunjukkan dalam Lampiran I

Jadual 5

Standard kandungan

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
1. Konteks Laporan Kewangan	1.1 Pengenalan kepada Jenis Organisasi	1.1.1. Ciri-ciri dan perbezaan entiti perniagaan - Milikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Berhad	1
		1.1.2 Ciri-ciri Organisasi Bukan Bermotif Keuntungan	
	1.2 Tujuan dan Skop Laporan Kewangan	1.2.1 Tujuan Laporan Kewangan	1
		1.2.2 Komponen dan tujuan Penyata Kewangan	
	1.3 Pengguna Laporan Kewangan	1.3.1 Peranan Laporan Kewangan kepada pelbagai golongan pengguna penyata kewangan	1
2. Rangka Kerja Laporan Kewangan	2.1 Peranan Rangka Kerja Kawal Selia	2.1.1 Peranan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB)	2
		2.1.2 Peranan IFRS	
	2.2 Prinsip Asas Laporan Kewangan	2.2.1 Ciri kualitatif maklumat penyata kewangan: <ol style="list-style-type: none"> a. Kerelevan b. Perwakilan benar c. Kebolehfahaman d. Kebolehsahan e. Kebolehbandingan 	2

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		f. Pemasaan 2.2.2. Prinsip dan konsep perakaunan asas: a. Entiti perniagaan b. Tempoh perakaunan/Selang Masa/berkala c. Wang sebagai ukuran d. Usaha Berterusan /Kesinambungan aktiviti e. Objektiviti f. Prinsip Kos Sejarah g. Materialiti h. Mementingkan intipati daripada rupabentuk i. Ketekalan j. Penghematan/Konservatisme k. Akruan/Pemadanan	1
3. Sistem Catatan Bergu	3.1 Jenis-jenis dokumen perniagaan	3.1.1 Tujuan dan skop dokumen perniagaan termasuk: a. Surat tanya b. Sebut harga c. Pesanan Belian d. Pesanan Jualan e. Nota Serahan f. Invois g. Nota Penerimaan Barang h. Nota Debit i. Nota Kredit j. Nota Makluman Bayaran k. Resit l. Slip Transaksi Perbankan Elektronik m. Penyata Akaun	1
	3.2 Pengenalan kepada Simpan Kira	3.2.1 Kitaran Perakaunan dalam Pelaporan Kewangan 3.2.2 Jenis dan Peranan Buku Catatan Pertama a. Jurnal b. Lejar c. Buku Tunai	1
	3.3 Sistem Catatan	3.3.1 Persamaan Perakaunan dengan	1

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
	Bergu	<p>konsep catatan bergu</p> <p>3.3.2 Ciri-ciri dan catatan mengepos ke dalam jenis jurnal yang utama</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Jurnal Belian dan Jurnal Pulangan Belian b. Jurnal Jualan dan Jurnal Pulangan Jualan c. Jurnal Am <p>3.3.3 Jenis Akaun Lejar:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Akaun Perorangan <ul style="list-style-type: none"> i. Akaun Belum Terima ii. Akaun Belum Bayar b. Akaun Bukan Perorangan <ul style="list-style-type: none"> i. Akaun Nyata ii. Akaun Nominal <p>3.3.4 Jenis Lejar</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Lejar Am b. Lejar Jualan/ Lejar Akaun Belum Terima c. Lejar Belian/ Lejar Akaun Belum Bayar <p>3.3.5 Peranan dan kegunaan buku tunai dalam merekod urus niaga tunai dan bank dengan kewujudan diskaun niaga dan diskaun tunai diberi, serta diskaun diterima</p> <p>3.3.6 Tujuan dan penyediaan buku tunai runcit dengan menggunakan Sistem Panjar</p> <p>3.3.7 Penutupan akaun lejar dan buku tunai</p>	
	3.4 Imbangan Duga	<p>3.4.1 Tujuan Penyediaan Imbangan Duga</p> <p>3.4.2 Imbangan Duga</p> <p>3.4.3 Kekangan Imbangan Duga</p>	1
	3.5 Akaun Kawalan	<p>3.5.1 Tujuan Akaun Kawalan</p> <p>3.5.2 Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar, termasuk catatan kontra</p> <p>3.5.3. Penyediaan penyata penyesuaian akaun kawalan untuk menyelaraskan kesilapan yang dikesan</p>	1

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		3.5.4 Pendedahan maklumat daripada akaun kawalan ke dalam penyata kewangan.	
4. Pelarasan pada akhir tempoh perakaunan	4.1 Hutang Lapuk, Peruntukan Hutang Ragu, Hutang Lapuk Terpulih	4.1.1 Maksud hutang lapuk dan Hutang Lapuk Terpulih 4.1.2 Tujuan Peruntukan Hutang Ragu 4.1.3 Hutang Lapuk, Peruntukan Hutang Ragu, Hutang Lapuk Terpulih 4.1.4 Pendedahan hutang lapuk, kewujudan peruntukan hutang ragu dan pelarasan peruntukan hutang ragu serta hutang lapuk terpulih dalam penyata kewangan.	1
	4.2 Aset Bukan Semasa Ketara dan susut nilai	4.2.1 Ciri-ciri dan jenis aset bukan semasa ketara seperti yang ditetapkan dalam IAS 16: Hartanah, Loji dan Peralatan. 4.2.2 Perbelanjaan Modal berbanding dengan Perbelanjaan Hasil 4.2.3 Sebab berlakunya susut nilai 4.2.4 Susut nilai dihitung berdasarkan: a. Kaedah garis lurus b. Kaedah baki berkurangan mengikut IAS 16. 4.2.5 Susut nilai dihitung dengan kaedah penilaian semula 4.2.6 Catatan lejar bagi pembelian dan pelupusan aset bukan semasa 4.2.7 Perekodan untung atau rugi pelupusan aset bukan semasa ke dalam Penyata Kewangan 4.2.8 Catatan belanja susut nilai dan susut nilai terkumpul di lejar 4.2.9 Susut nilai aset bukan semasa dalam Penyata Kewangan	1
	4.3 Belum Bayar dan Prabayar	4.3.1 Tujuan belum bayar dan prabayar berdasarkan konsep pemadanan	1

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		4.3.2 a. Belanja Belum Bayar b. Belanja Prabayar c. Hasil Belum Terima d. Hasil Belum Terperoleh 4.3.3 Catatan jurnal dan lejar untuk belum bayar dan prabayar 4.3.4 Kesan belum bayar dan prabayar ke atas penyata kewangan	
	4.4. Pembetulan Kesilapan	4.4.1 Jenis-jenis Kesilapan a. Kesilapan yang tidak menjelaskan keseimbangan Imbalan Duga b. Kesilapan yang menjelaskan keseimbangan Imbalan Duga 4.4.2 Membetulkan kesilapan melalui catatan jurnal 4.4.3 Tujuan Akaun Tergantung 4.4.4 Akaun Tergantung dalam Pembetulan kesilapan 4.4.5 Kesan kesilapan dalam Penyata Kewangan 4.4.6 Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan	2
	4.5 Rekod Tak Lengkap	4.5.1 Sebab berlakunya rekod tak lengkap 4.5.2 Maklumat kewangan yang tidak lengkap berdasarkan: a. Persamaan Perakaunan i. Kaedah perbandingan modal ii. Penyata Hal Ehwal b. Kaedah Analisis Rekod c. Margin Untung atau Tokokan 4.5.3 Kerugian inventori/kecurian inventori akibat kejadian yang tidak boleh dielakkan 4.5.4 Penyata Kewangan dengan Pelarasian akhir tempoh perakaunan	2
	4.6 Penyata	4.6.1 Sebab-sebab perbezaan baki Buku	2

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
	Penyesuaian Bank	Tunai dan Baki Penyata Bank 4.6.2 Tujuan Penyata Penyesuaian Bank 4.6.3 Memulakan Penyata Penyesuaian Bank dengan: a. Baki Buku Tunai Ruangan Bank (sebelum/ selepas pelarasan) b. Baki Penyata Bank 4.6.4 Baki Bank di Penyata Kewangan	
5. Penyediaan Penyata Kewangan syarikat tidak diperbadankan	5.1 Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal	5.1.1 Mengeposkan semua baki akaun ke Penyata kewangan yang berkaitan 5.1.2 Menyediakan: a. Penyata Untung atau Rugi b. Penyata Kedudukan Kewangan dalam format penyata berdasarkan Imbangan Duga yang berinventori dan pelarasan akhir tempoh	2
	5.2 Penyediaan Penyata Kewangan Perniagaan Perkongsian	5.2.1 a. Penubuhan perkongsian baharu b. Tujuan Perjanjian Perkongsian dan Ikatan Perkongsian 5.2.2 Perekodan: a. Ambilan Pekongsi b. Gaji Pekongsi c. Faedah atas Modal dan Ambilan d. Pinjaman Pekongsi e. Faedah atas Pinjaman 5.2.3 Tujuan dan perekodan urus niaga dalam: a. Akaun Semasa b. Akaun Modal 5.2.4	2

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		<ul style="list-style-type: none"> a. Penyata Untung atau Rugi (termasuk akaun Pengasingan) b. Penyata Kedudukan Kewangan bentuk penyata berdasarkan imbalan duga terselaras <p>5.2.5 Catatan perakaunan terhadap perubahan nisbah untung atau rugi perkongsian</p> <p>5.2.6 Memahami pengolahan perakaunan untuk kemasukan rakan kongsi baharu ke dalam perkongsian</p> <p>5.2.7 Memahami sebab pembubaran perkongsian</p> <p>5.2.8 Memahami pengolahan perakaunan dalam pembubaran perkongsian</p> <p>5.2.9 Memahami kepentingan Peraturan Garner vs Murray</p>	
	5.3 Organisasi Bukan Bermotif Keuntungan	<p>5.3.1 Ciri-ciri Organisasi Bukan Bermotif Keuntungan</p> <p>5.3.2 Ciri-ciri dan perekodan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Yuran (dengan Belum Terima dan Belum Terperoleh) b. Yuran Masuk, Yuran Seumur Hidup c. Derma/Legasi <p>5.3.3</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Akaun Penerimaan dan Pembayaran b. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan (termasuk Akaun Perdagangan) c. Penyata Kedudukan Kewangan 	2
6. Perakaunan Inventori (IAS2)	6.1 IAS 2: Inventori	<p>6.1.1 Perbezaan antara pelbagai jenis inventori:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Bahan Mentah b. Kerja dalam Proses c. Barang Siap untuk dijual <p>6.1.2 IAS 2 - Komponen kos dalam</p>	2

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		Penilaian Inventori 6.1.3 <ul style="list-style-type: none"> a. Sistem Inventori Berkala b. Sistem Inventori Berterusan 6.1.4 Kaedah: <ul style="list-style-type: none"> a. Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) b. Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD) c. Kos Purata Berwajaran di bawah sistem inventori berkala dan berterusan untuk penilaian inventori dan kos jualan 6.1.5 Kesan kaedah penilaian inventori ke atas untung kasar 6.1.6 IAS 2 - Penilaian inventori 6.1.7 Inventori dalam penyata kewangan dan nota kepada penyata kewangan	
7. Penyediaan Penyata Kewangan Syarikat yang diperbadakna n	7.1 Penyediaan Penyata kewangan untuk Syarikat Berhad - Pengenalan	7.1.1 Ciri-ciri <ul style="list-style-type: none"> a. Syarikat Liabiliti Terhad b. Syarikat Liabiliti Tidak Terhad 7.1.2 Kebaikan dan Keburukan Syarikat Liabiliti Terhad 7.1.3 Peranan Tatawujud Syarikat dan Tata Urus Syarikat 7.1.4 Ciri-ciri pelbagai jenis modal: <ul style="list-style-type: none"> a. Modal Syer Biasa b. Modal Syer Keutamaan c. Nota Pinjaman/debentur 7.1.5 Maksud: <ul style="list-style-type: none"> a. Modal Dibenarkan b. Modal Diterbitkan c. Modal Berbayar dan perekodan b dan c 7.1.6 Terbitan syer /nota pinjaman pada nilai par, premium dan diskau, dibayar penuh semasa permohonan 7.1.7 Konsep:	3

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		<p>a. Terbitan bonus (dipermodalkan/skip)</p> <p>b. Terbitan hak</p> <p>7.1.8 konsep dividen interim dan dividen akhir</p> <p>7.1.9 Perekodan urus niaga dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Akaun Premium Syer b. Akaun Penilaian Rizab/ Akaun Rizab Penilaian Semula c. Akaun Rizab d. Akaun Pendapatan Tertahan 	
	7.2 Penyediaan Penyata Kewangan Syarikat Berhad - Berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS)	<p>7.2.1 Komponen Penyata Kewangan seperti yang ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS 1)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Penyata Kedudukan Kewangan b. Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain (Pendekatan satu penyata/Pendekatan dua penyata) c. Penyata Perubahan Ekuiti d. Nota kepada Penyata Kewangan <p>7.2.2 Penyata Kewangan dengan pelarasan akhir tempoh</p>	3
	7.3 Penyediaan Penyata Aliran Tunai (IAS 7)	<p>7.3.1 Tujuan penyediaan Penyata Aliran Tunai</p> <p>7.3.2 Perbezaan antara untung tahun berakhir dan nilai bersih aliran tunai daripada aktiviti operasi</p> <p>7.3.3 Ciri-ciri dan pengiraan aliran tunai daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. aktiviti operasi b. aktiviti pelaburan c. aktiviti pembiayaan <p>7.3.4 menyediakan Penyata Aliran Tunai dengan menggunakan</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kaedah Tidak Langsung 	3

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
		b. Kaedah Langsung	
8. Analisis Penyata Kewangan	8.1 Peranan dan Pendekatan Analisis Penyata Kewangan	8.1.1 Tujuan analisis Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Untung atau Rugi kepada pelbagai Pengguna Penyata Kewangan	3
		8.1.2 Konsep: a. Analisis trend b. Analisis Pesaing dalam menganalisis Penyata Kewangan sesebuah perniagaan	
9. Belanjawan	8.2 Nisbah Perakaunan	8.2.1 Tafsiran dan pengiraan nisbah perakaunan yang utama: a. Keuntungan b. Kecairan c. Kecekapan d. Struktur modal e. Pulangan Pelaburan	3
		8.2.2 Analisis Prestasi kewangan perniagaan berdasarkan: a. Hubungan antara elemen Penyata Kewangan b. Hubungkait antara nisbah keberuntungan, kecairan, kecekapan, struktur modal dan nisbah pulangan Pelaburan	
9. Belanjawan	9.1 Peranan Belanjawan	9.1.1 Tujuan Penyediaan Belanjawan	3
	9.2 Penyediaan dan pengapplikasi an Belanjawan Induk	9.2.1 Konsep: a. Belanjwan Tunai b. Belanjawan Penyata Untung atau Rugi c. Belanjawan Penyata Kedudukan Kewangan	3
		9.2.2 Konsep Belanjawan Tunai sebagai perancangan kawalan masa hadapan	

Tema	Perkara	Kandungan	Tahun Pengajaran: Tingkatan Menengah Atas: 1/2/3
10. Asas Perakaunan Kos	10.1 Analisis Kos	<p>10.1.1 Sifat dan jenis kos berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kos Langsung/ Kos Prima b. Kos Tak Langsung/Kos Overhead c. Kos Pengeluaran d. Kos Bukan Pengeluaran dalam bidang Pengeluaran <p>10.1.2 Sifat dan jenis:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kos Berubah b. Kos Tetap c. Kos Separa Berubah dalam semua bidang perniagaan <p>10.1.3 Diagram untuk mempersembahkan pelbagai jenis/gelagat kos:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kos Berubah b. Kos Tetap c. Kos Separa Berubah 	3
	10.2 Analisis Kos-Volum-Untung	<p>10.2.1 Kepentingan Analisis Kos Volum Untung dalam membuat keputusan perniagaan</p> <p>10.2.2 Hubungan dan anggaran</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Jualan b. Kos Berubah c. Margin Caruman d. Kos Tetap e. Keuntungan <p>10.2.3 Maksud dan konsep:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Titik Pulang Modal b. Jualan yang diperlukan untuk mencapai untung sasaran c. Margin Keselamatan dengan menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> i. Kaedah Pendekatan Pengiraan ii. Kaedah Pendekatan Graf 	3

7.2 Standard Pembelajaran

Jadual 6:

Domain Perakaunan

Domain	Kognitif (C)	Psikomotor (P)	Afektif (A)
Perkara	Ca Asas Perakaunan	Pa Simpan Kira	Aa Ketepatan
	Cb Perakaunan Pertengahan	Pb Mengelakkan rekod kewangan lengkap	Ab Berhati-hati
	Cc Perakaunan Kewangan dan Kos	Pc Mengaplikasikan maklumat kewangan	Ac Kesensitifan Perniagaan

Jadual 7

Penerangan Standard Pembelajaran

Domain	Perkara	Pernyataan
